

Kejohanan Kids Football

Fiesta UMS buka penyertaan

DE 04.10.2012 /2

KOTA KINABALU: Kejohanan Kids Football Fiesta 2012 anjuran Pusat Sukan UMS membuka penyertaan. Pertandingan akan diadakan di Kompleks Sukan UMS dari 20 hingga 21 Oktober ini.

Menurut Pengarah Sukan UMS, ASP (K) Mohd Asraaf Abdullah, acara itu diadakan sempena Konvokesyen UMS Ke-14 serta menyokong aktiviti sukan yang biasanya dijalankan oleh majlis di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“Kejohanan itu memberi peluang kepada pasukan di seluruh Sabah untuk dibangunkan di peringkat akar umbi serta memilih pemain muda yang berbakat besar melalui pertandingan tersebut.”

Katanya, sokongan daripada semua sektor seperti akademi bola sepak, sekolah rendah, korporat, terutama ibu bapa diperlukan untuk menjamin kejayaan kejohanan itu.

“Kami yakin program seumpama mampu membangun budaya bersukan serta menjalin hubungan baik dan membangun jatidiri di kalangan kanak-kanak agar mereka mempunyai minda kreatif.”

Beliau berharap objektif program akan tercapai dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak demi masa depan bola sepak di Negeri ini dan negara.

Pertandingan terbahagi kepada kategori Bawah-8/Bawah-10 dan Bawah-12.

Borang penyertaan boleh diperolehi di Pejabat Pusat Sukan UMS dan untuk maklumat lanjut, sila hubungi 088320000 sambungan 3158, atau Andrew Maj. @ Adam (0168441631) untuk Kategori B-12, Rosmadih Wasli (0168250647) untuk Kategori B-10 dan Azman S. (0168207479) untuk Kategori B-8.